

Doping ketika Olimpik Dirancang atau Kebetulan?

Sukan Olimpik ialah sukan yang berprestij di dunia. Sukan Olimpik pertama yang direkodkan secara bertulis berlangsung pada tahun 776 sebelum Masihi apabila Coroebus memenangi acara lumba lari sejauh 192 meter. Namun begitu, dipercayai bahawa tarikh ini bukanlah tarikh pertama sukan ini dilangsungkan.



Pada tahun 393 Masihi, Maharaja Theodosius menghentikan sambutan tradisi sukan Olimpik yang diadakan selama hampir 12 abad. Walau bagaimanapun, Baron Pierre de Coubertin (1863 - 1937) mendapat inspirasi untuk mewujudkan semula sukan Olimpik yang dikenali sebagai sukan Olimpik moden. Pada November 1892, ketika mesyuarat Union des Sports Athletiques di Paris, beliau mengusulkan untuk mengadakan sukan Olimpik setiap empat tahun.

Sukan Olimpik moden pertama diadakan di Athens, Greece pada tahun 1896. Sukan ini dirasmikan oleh King Georgios I ketika upacara pembukaan yang disaksikan oleh 60 ribu penonton dan 280 peserta (kesemuanya lelaki) dari 13 buah negara. Pada ketika itu, ada 43 kategori sukan yang ditandingkan, termasuk padang, gimnastik, renang, tinju, basikal, tenis, angkat berat, menembak dan bermain padang.



Lance Armstrong didapati positif ujian doping.

Pada tahun lalu, London sekali lagi menjadi tuan rumah bagi sukan Olimpik 2012. London kali ketiga dipilih menjadi tuan rumah. Oleh sebab itu, sambutan kali ini dilakukan dengan penuh gilang-gemilang.

Namun begitu, di balik kegemilangan sukan Olimpik, masalah pengambilan dadah (*dope*) dalam kalangan atlet harus diberi perhatian serius. Statistik menunjukkan bahawa kadar bagi sampel urin yang berstatus penemuan analitikal buruk (AAFs) dan penemuan atipikal (ATFs) makin meningkat dari tahun ke tahun. Perkara ini merisaukan organisasi yang menentang keras pengambilan



Upacara pembukaan sukan Olimpik di London pada tahun 2012.

dadah dalam sukan, iaitu Agensi Antidoping Dunia (WADA).

Efedrin ialah dadah yang mempunyai struktur yang hampir sama seperti Amfetamin dan Metamfetamin. Efedrin dikelaskan di bawah kumpulan perangsang yang berperanan dalam mengecilkan salur darah, membuka ruang bagi paru-paru, meningkatkan kadar denyutan jantung dan tekanan darah. Dadah ini juga dikatakan mampu meningkatkan kadar metabolisme, seterusnya merencatkan nafsu makan.

Efedrin amat terkenal dalam kalangan atlet, terutamanya ketika sukan Olimpik. Pada tahun 1972 di Munich, Jerman seorang perenang Amerika Syarikat (US), Rick DeMont memenangi pingat emas dalam acara 400 m renang gaya bebas. Namun begitu, pingatnya ditarik balik apabila didapati positif Efedrin.

Ketika sukan Olimpik Seoul pada September 1988, raja pecut Kanada, Ben Johnson didapati positif steroid. Oleh sebab itu, pingat emas yang dimenangnya

dalam acara 100 m ditarik balik dan beliau dihantar pulang ke Toronto dengan serta-merta. Beliau didapati mengambil sejenis steroid, iaitu Stanozolol. Stanozolol sejenis steroid anabolik sintetik yang terhasil daripada dihidrotosteron. Stanozolol dipercayai mampu menambahkan jisim otot dan meningkatkan stamina atlet.

Pelari pecut terkenal, Marion Jones yang berasal dari Los Angeles, California pula memenangi tiga pingat emas ketika sukan Olimpik 2000 di Sydney Australia. Namun begitu, nasib tidak menyebelahi beliau apabila ditangkap mengambil dadah terlarang, iaitu Tetrahydrogestrinon (THG). Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) menarik balik kesemua lima pingat, termasuklah tiga pingat Emas yang dimenangi ketika sukan Olimpik Sydney.

IOC juga memadamkan semua rekod yang dicipta oleh beliau bermula dari bulan September 2008. THG sejenis steroid anabolik yang dicipta hasil daripada pengubahsuaian dadah terlarang sedia ada, iaitu Trenbolon dan Gestrinon. THG dipercayai dapat merangsang penghasilan protein yang seterusnya menggalakkan pertumbuhan otot. THG juga mempunyai kesan androgenik, iaitu menggalakkan pertumbuhan bulu

Diuretik kerap digunakan dalam sukan yang mengambil kira berat badan, iaitu seperti renang, gimnastik dan angkat berat.


dan menjadikan seseorang itu lebih agresif.

Ahli gimnastik dari Uzbekistan, Luiza Galiulina didapati positif ujian doping, Furosemid ketika sukan Olimpik London 2012. Beliau mendakwa masih buntu dan keliru kerana tidak tahu bagaimana dadah itu dapat berada di dalam badannya. Beliau dikatakan pernah jatuh sakit pada hujung bulan Jun dan dijaga oleh ibunya.

Furosemid merupakan dadah terlarang yang dikelaskan di bawah kumpulan diuretik. Selain digunakan sebagai agen penyamaran, diuretik juga berfungsi untuk menurunkan berat badan dengan cepat melalui peningkatan pengeluaran atau perkumuhan urin. Diuretik kerap digunakan dalam sukan yang mengambil kira berat badan, iaitu seperti renang, gimnastik dan angkat berat.

Di samping itu, lima orang atlet yang menjalani ujian doping ketika sukan Olimpik Beijing 2008 didapati positif pengaktif reseptor eritropoietin berterusan (CERA). Seorang daripadanya ialah atlet Bahrain, Rashid Ramzi. Beliau akhirnya kehilangan pingat Emas yang diraihinya dalam acara 1500 m lelaki.

CERA sejenis dadah yang dikenali sebagai pemangkin penghasilan darah. Dadah ini digunakan untuk merawat pesakit buah pinggang yang kronik dan anemia. CERA disalah guna dalam sukan kerana dipercayai dapat merangsang penghasilan sel





Terkini, Majlis Sukan Negara (MSN) menetapkan bahawa ujian doping dilakukan secara rambang ketika sambutan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-16, iaitu pada awal bulan Julai 2013.

darah merah yang membekalkan lebih banyak oksigen kepada otot bagi memberikan ketahanan yang lebih lama kepada atlet.

Namun begitu, tanpa disedari penggunaan dadah ini yang tidak terkawal dan tidak mendapat nasihat doktor dapat membawa padah. Peningkatan sel darah merah secara berlebihan dapat menyebabkan tekanan kepada sistem peredaran darah, seterusnya dapat menyebabkan salur darah tersumbat, serangan jantung dan strok.

Antonio Pettigrew mengaku mengambil hormon tumbesaran manusia (hGH) dan eritropoietin (EPO) pada sukan Olimpik Sydney 2000 dalam acara 1600 m lari berganti. hGH sejenis hormon yang

digunakan oleh doktor untuk merawat kanak-kanak yang mengalami masalah tumbesaran.

Hormon ini juga bertindak dalam melakukan proses meremajakan, menebalkan tisu kulit, menghasilkan tulang yang kuat dan otot yang sempurna. Bagi atlet, pengambilan hormon hGH dipercayai dapat meningkatkan jisim badan dan mempercepat pemulihan akibat kecederaan.

Pelbagai langkah diambil bagi memerangi masalah ini. Misalnya, di laman web WADA, ada satu bahagian yang dihaskan untuk memberikan pendidikan dan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat.

Pendedahan tentang dadah terlarang yang diterjemahkan secara interaktif dalam bentuk kuiz, seperti *Play True Quiz* ialah suatu usaha yang menarik. Bagi memudahkan semua pihak, kuiz ini diterjemahkan kepada 26 bahasa yang berbeza, termasuk bahasa Melayu supaya mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

Selain itu, kempen Katakan Tidak! Kepada Doping ialah satu lagi kempen yang giat dilancarkan oleh WADA. Bagi menyokong kempen ini atlet serta komuniti antidoping disaran untuk memakai logo yang tertulis cogan kata Katakan Tidak! Kepada Doping. Usaha ini mampu menyampaikan mesej kepada atlet untuk bersukan secara adil dan bersih.

Kesedaran tentang pengambilan dadah dalam sukan seharusnya dipupuk daripada peringkat awal seperti dimasukkan dalam sukatan pelajaran

Walaupun atlet Malaysia masih belum setanding dengan atlet Olimpik, bukanlah alasan untuk Malaysia tidak menyokong kempen membanteras penggunaan dadah terlarang dalam sukan. Terkini, Majlis Sukan Negara (MSN) menetapkan bahawa ujian doping dilakukan secara rambang ketika sambutan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-16, iaitu pada awal bulan Julai 2013.

Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memandang isu ini secara serius dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada individu yang terlibat. Hal ini dikatakan demikian kerana dunia melihat ketelusan dan ketegasan Malaysia melalui setiap tindakan dan hukuman yang bakal dikenakan kepada atlet. Kegagalan menangani isu ini secara baik dapat menyebabkan Malaysia dicemooh oleh negara luar.

Kesedaran tentang pengambilan dadah dalam sukan seharusnya dipupuk daripada peringkat awal seperti dimasukkan dalam sukatan pelajaran dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah. Pendidikan daripada awal penting untuk memberikan pemahaman yang jelas tentang keburukan dan kesan doping kepada diri sendiri. Hal ini seterusnya dapat menghindarkan kita daripada terjebak dengan masalah ini.

Penulis Pegawai Penyelidik dan Dr. Salizawati Salhimi, Penceramah Kanan Pusat Kawalan Doping, Universiti Sains Malaysia